

## AKHBAR : HARAHAH

**CCTV di 70 pangsapuri kos rendah**

SHAH ALAM: Pangsapuri Kos Rendah yang menyertai Skim Rondaan Kejiranan Dan Keselamatan (SEROJA) akan dipasang kamera litar tertutup (CCTV).

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Dato' Iskandar bin Abdul Samad berkata, program ini merupakan inisiatif kerajaan Negeri untuk memastikan pangsapuri-pangsapuri di Selangor lebih selamat didiami.

Katanya, kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar telah memperkenalkan skim tersebut dalam tahun 2013. Menurut beliau, SEROJA bertujuan untuk membanteras kejadian-kejadian pecah rumah, kecurian, rompakan, peras ugut dan vandalisme.

Katanya, kerajaan Negeri memperuntukkan RM10,000 bagi setiap pangsapuri yang menyertai skim ini. RM5,000 akan digunakan untuk memasang CCTV. Penduduk juga boleh membeli peralatan rondaan keselamatan seperti belantan, jaket, wisel dan lampu suluh jika tidak mahu memasang CCTV. RM5,000 lagi akan digunakan untuk program-program kemasyarakatan dan kesedaran penduduk. Program tersebut dilaksanakan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM).

SEROJA adalah satu lagi program Kerajaan Negeri Selangor untuk membantu penduduk di perumahan berstrata. Justeru katanya, Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) digesa untuk menyertai SEROJA dengan menghubungi Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) atau menelefon Khairul (0102433400) / Lt Kamaruzzaman (0132069522).

Katanya, sasaran bagi tahun ini adalah agar 70 kawasan pangsapuri kos rendah menyertai SEROJA.



Dato' Iskandar Abd Samad tetap meluangkan masa bersama rakyat dalam program Jom Shopping sempena sambutan Aidilfitri.